



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)

IKLAN JAWATAN KOSONG

TARIKH BUKA IKLAN: 21 DISEMBER 2020

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

JAWATAN 4 : PEMBANTU AWAM GRED H11

KLASIFIKASI : Kemahiran (H)

KUMPULAN : Pelaksana

TARAF JAWATAN : Tetap/Kontrak (*Contract of Service*)

PENEMPATAN : Semenanjung Malaysia & Sarawak (Bintulu)

JADUAL GAJI : Gred H11

Gaji Minimum

RM1,218.00

Gaji Maksimum

RM2,939.00

1. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS : (a) Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

- (b) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

CARA MEMOHON:

- i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari <http://ejawatan.mardi.gov.my/>
- a. Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)**
 - b. Memohon jawatan yang berkaitan**
- ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan). **Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**
- iii) Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat perhubungan (nombor untuk dihubungi dan alamat emel) yang terkini.
- iv) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- v) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

TARIKH TUTUP IKLAN : 04 JANUARI 2021

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037

Peringatan:

- i) *Selain daripada syarat dan keutamaan yang dinyatakan di dalam iklan, calon yang memohon juga dikehendaki untuk mematuhi perkara berikut:*
- a. Calon adalah sihat untuk berkhidmat;*
 - b. Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;*
 - c. Tidak pernah dibuang kerja;*
 - d. Bukan penagih dadah;*
 - e. Tidak memiliki kewarganegaraan asing;*
 - f. Bukan seorang bankrap;*
 - g. Tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan*
 - h. Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.*
- ii) *Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan/tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan Institut.*